



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 3 JULAI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **sembilan (9)** kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **8,446** kes (97.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 3 Julai 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **lima (5)** kes baru yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,648** kes. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 81** kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada lima (5) kes baharu yang dilaporkan, tiga (3) kes adalah kes import yang mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan semua warganegara Malaysia. Kedua-dua kes **penularan di dalam negara adalah di kalangan warganegara Malaysia**, iaitu dua kes saringan prarujukan di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Tiada kes di kalangan bukan warganegara dilaporkan pada hari ini.

Sehingga kini, terdapat dua (2) kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Kedua-dua kes tersebut memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **121 kes** (1.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

### **AKTIVITI SURVELAN DAN PENDEKATAN TERTUMPU TERUS DIJALANKAN BAGI PENGESANAN KES COVID-19 DI DALAM KOMUNITI**

Kebelakangan ini jumlah kes harian COVID-19 di Malaysia didapati semakin menurun, malahan ianya adalah dalam

lingkungan satu angka sejak lima hari yang lalu. Pencapaian ini adalah amat positif, namun kemungkinan terdapat juga segelintir masyarakat yang khuatir mengenai kes COVID-19 yang masih wujud di dalam komuniti dan belum dapat dikesan (terutama di kalangan mereka yang tidak mempunyai gejala).

Bagi memastikan kes-kes COVID-19 di dalam komuniti adalah terus dipantau, dikesan awal dan dibendung, Kerajaan telah mengambil pendekatan pengesanan kes COVID-19 melalui aktiviti surveyan, iaitu termasuk surveyan klinikal dan juga saringan kumpulan-kumpulan sasar. Pendekatan tertumpu ini turut dapat mengambil kira penjimatan kos (*cost effectiveness*) dan didapati telah turut dilaksanakan di beberapa negara lain yang sedang berjaya memerangi pandemik COVID-19 tanpa ujian COVID-19 secara besar-besaran. Dengan pendekatan tertumpu ini, sumber yang digunakan bagi menjalankan ujian dan aktiviti saringan ini dapat dipertimbangkan dengan cermat, termasuk juga bagi mengelak pembaziran. Ini memandangkan usaha memerangi COVID-19 ini masih panjang.

Tindakan Kerajaan dalam memerangi wabak COVID-19 di Malaysia adalah tertumpu kepada kaedah berikut:

- Memaksimumkan pencegahan dan kawalan penularan jangkitan, misalnya melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang kemudiannya dilanjutkan serta

diubahsuai mengikut tren kes harian COVID-19 dan situasi di dalam negara;

- Pengesahan awal kes COVID-19 secara aktif (*Active Case Detection*) dijalankan dan respon awal terhadap kluster COVID-19 di mana setiap kluster dipantau dengan teliti. Maklumat kluster aktif dikemaskini dan diumumkan setiap hari untuk memastikan orang ramai terus mengetahui situasi sebenar COVID-19; dan
- Saringan kumpulan sasar terutamanya sembilan (9) kumpulan yang berisiko tinggi yang telah dikenalpasti di dalam negara. Ini merupakan pendekatan tertumpu (*targeted approach*) yang setakat ini telah membantu mengesan banyak kes di dalam komuniti.

Sistem surveyan klinikal bagi COVID-19 di Malaysia telah bermula sejak 12 Februari 2020. Ia dijalankan di Klinik Kesihatan dan hospital KKM yang dikenali sebagai surveyan klinikal. Surveyan klinikal merangkumi:

1. Persampelan pesakit *Influenza Like Illness* (ILI) secara rawak di Klinik Kesihatan KKM yang terpilih iaitu *sentinel site* ataupun lokasi sentinel. Setakat ini terdapat 26 lokasi sentinel di seluruh negara;
2. Persampelan pesakit *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) di semua hospital KKM;

3. Persampelan pra pembedahan kes kecemasan dan separa kecemasan di hospital KKM iaitu mereka yang tidak mempunyai gejala.

Sehingga 2 Julai 2020, secara kumulatif KKM telah melaporkan sebanyak 113 kes COVID-19 yang dikesan melalui aktiviti surveyan klinikal iaitu:

- Persampelan ILI: 15 kes positif COVID-19 daripada 2,507 sampel (iaitu kadar positif adalah 0.6 peratus)
- Persampelan SARI: 77 kes positif COVID-19 daripada 19,422 sampel (iaitu kadar positif adalah 0.4 peratus)
- Persampelan pra pembedahan: 21 kes positif COVID-19 daripada 51,870 sampel (iaitu kadar positif adalah 0.04 peratus)

Aktiviti surveyan bertindak sebagai sistem pengesanan awal (*early detection*) dan sistem amaran awal (*early warning*) bagi penularan COVID-19 di Malaysia. Sistem ini membolehkan Kerajaan mengambil tindakan pembendungan penularan diambil segera.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM menyeru orang ramai untuk terus kekal waspada dan amalkan nasihat-nasihat kesihatan yang disarankan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *facemask*) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S**: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O**: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P**: Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

3 Julai 2020 @ 5.30 petang

## LAMPIRAN 1

### BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 3 JULAI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *( )	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	97
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	258
SELANGOR	3 (3)	2,051
NEGERI SEMBILAN	0	1,025
MELAKA	0	256
JOHOR	0	692
PAHANG	0	365
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	157
SABAH	2	375
SARAWAK	0	571
W.P. KUALA LUMPUR	0	2,437
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	17
JUMLAH KESELURUHAN	5 (3)	8,648

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import